Pembakaran sisa biojisim menjadi antara punca kepada pembebasan gas rumah hijau, karbon dioksida, metana, dan nitrus oksida ( $N_2O$ ). Selain itu, aktiviti tersebut juga turut membebaskan gas kimia yang aktif termasuklah karbon monoksida, hidroksida bukan metana dan nitrogen dioksida ( $NO_2$ ). Gabungan gas-gas ini dengan metana akan menyumbang kepada penghasilan bahan kimia dalam ozon troposfera. Selain itu, ia juga akan mengawal kepekatan radikal hidroksida yang terlibat dalam regulasi kitaran penghasilan gas atmosfera yang lain (Levine, 1994).

Walaupun sesetengah residu agroindustri seperti bahagian batang kelapa sawit, boleh digunakan sebagai baja namun ia melibatkan proses penguraian semula jadi yang memerlukan masa yang lama sehingga lama kelamaan ia boleh menjadi habitat untuk serangga-serangga perosak (Ahmad *et al.*, 2002).

### **1.3 Penukaran sisa buangan agroindustri kepada bentuk bernilai**

Disebabkan kesan sisa buangan agroindustri memberi impak besar kepada dunia, maka para penyelidik digesa untuk mencari penyelesaian yang saintifik dan efektif yang merangkumi kepentingan pada peringkat individu mahupun industri. Walau bagaimanapun, ia memerlukan teknologi baru yang terbukti keberkesanannya dan mampu bersaing dari segi kos pengeluaran.

Umumnya, sisa buangan agroindustri terbina daripada bahan berlignoselulosa yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu lignin, selulosa, dan hemiselulosa. Penukaran bahan berlignoselulosa kepada bentuk bernilai tambah memerlukan pelbagai proses termasuklah; (1) rawatan awal atau pra-rawatan sama ada secara mekanikal, kimia, atau biologi (Grethlein & Converse, 1991); (2) hidrolisis polimer bagi menghasilkan molekul yang tersedia mempunyai metabolisme contohnya gula pentosa; (3) penggunaan secara biologi molekul tersebut untuk menyokong pertumbuhan mikrob atau untuk menghasilkan produk kimia; dan (4) proses pengasingan dan penulenan (Smith *et al.*, 1987).

Pada hari ini, kajian untuk menukarkan sisa buangan tersebut kepada etanol sedang rancak dijalankan. Etanol adalah bahan tenaga baru yang boleh berpotensi menjadi bahan api untuk kenderaan. Penghasilannya melibatkan kos yang rendah, namun, menurut Prasad *et al.* (2007), keefisienan penukaran sisa buangan agro menjadi etanol bergantung kepada keupayaan mikroorganisma yang digunakan dalam proses utilisasi sumber-sumber karbon dan beberapa fraksi lain yang hadir dalam sisa buangan tersebut.

Selain itu, Didik *et al.* (2006) telah menemui cara penukaran hampas padi menjadi beta zeolit. Dalam hampas padi, terdapat sumber silika yang boleh digunakan untuk sintesis komponen tersebut. Beta zeolit adalah bahan katalis yang diaplikasi dalam petrokimia dan sintesis bahan kimia.

Laporan oleh Pandey *et al.* (2000b) menyatakan sisa buangan berhampas boleh menghasilkan pelbagai bahan yang bernilai seperti asid L-glutamik, alkaloid ergot iaitu sejenis bahan untuk merangsang sistem saraf simpatetik yang memberi kesan terhadap otot licin dan juga kesan antagonisme kepada hormon adrenalin dan serotonin (Ibrahim, 1994), sebagai sokongan dalam penghasilan penisilin, penghasilan aroma buah-buahan serta beberapa jenis asid iaitu asid laktik dan sitrik.

Dalam bidang pemfermentasian pula, sisa buangan agro digunakan untuk menghasilkan enzim. Proses fermentasi melibatkan penggunaan mikroorganisma seperti bakteria, yis dan kulat bagi tujuan menghasilkan pelbagai enzim seperti lipase, mannanase, protease, xilanase, selulase dan sebagainya. Terdapat dua kaedah dalam pemfermentasian iaitu pemfermentasian kultur tenggelam (SmF) dan pemfermentasian substrat pepejal (SSF).

Pelbagai lagi penyelidikan sedang giat dijalankan untuk memaksimumkan penghasilan produk yang bernilai tambah terutamanya kepada industri. Sehingga hari ini, kebanyakan kajian yang telah dibuat membuktikan bahawa sisa buangan agro sangat berpotensi dalam pelbagai bidang kajian.

#### **1.4 Objektif kajian**

Malaysia terkenal sebagai negara asas tani sejak awal kemerdekaannya lagi. Sehingga ke hari ini, sektor tersebut masih menjadi punca utama ekonomi negara. Malaysia adalah antara negara yang menyumbang kepada penghasilan hasil buangan kelapa sawit yang tertinggi di dunia dan sisa tersebut menjadi keluaran eksport Malaysia. Pelbagai sisa buangan telah dihasilkan daripada kelapa sawit termasuklah isirong kelapa sawit (PKC), hampas kelapa sawit (PKM), pelepah kelapa sawit, enap cemar kelapa sawit (POME), daun kelapa sawit, dan tandan kosong. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memanfaatkan sisa ini, kajian tentang penghasilan enzim mannanase oleh pencilan kulat tempatan menggunakan isirong kelapa sawit (PKC) melalui pemfermentasian substrat pepejal (SSF) telah dijalankan. Antara objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menyaring pencilan kulat penghasil mannanase menggunakan isirong kelapa sawit (PKC) sebagai substrat
2. Untuk mengenalpasti pencilan kulat yang telah menghasilkan mannanase secara maksimum
3. Untuk mengoptimumkan parameter-parameter fizikal dan kimia melalui sistem pemfermentasian substrat pepejal (SSF) bagi meningkatkan penghasilan mannanase oleh pencilan kulat terpilih

4. Untuk membandingkan peningkatan penghasilan mannanase menggunakan sistem kelalang goncangan dan dulang cetek
5. Untuk menulen dan mencirikan enzim mannanase tulen yang dihasilkan oleh pencilan kulat terpilih
6. Untuk membandingkan ciri-ciri enzim mannanase ekstrak kasar dan tulen dari segi kestabilan pH dan suhu

## BAB 2

### TINJAUAN BACAAN

#### 2.1 Komponen utama dalam sisa agroindustri: lignoselulosa

Kebanyakan sisa agroindustri di Malaysia terdiri daripada tumbuhan. Struktur komponen utama tumbuhan, sama ada yang berkayu atau tidak berkayu adalah lignoselulosa. Komponen tersebut terdiri daripada lignin, hemiselulosa, dan selulosa (Howard *et al.*, 2003). Komposisi kimia dalam tumbuhan berbeza dan dipengaruhi oleh genetik serta faktor persekitaran (Malherbe & Cloete, 2002). Lignoselulosa adalah substrat yang kompleks dan biodegradasinya tidak bergantung semata-mata kepada keadaan persekitaran sahaja tetapi kapasiti degradasi populasi mikrob turut diambil kira (Waldrop *et al.*, 2000). Jadual 2.1 menunjukkan peratusan komponen lignoselulosa dalam residu agroindustri.

##### 2.1.1 Selulosa

Selulosa adalah karbohidrat utama yang disintesis oleh tumbuhan dan sekali gus menyebabkan ia sebagai polimer organik yang paling tinggi penimbunannya di persekitaran. Komponen selulosa terdiri daripada polimer linear  $\beta$ -(1,4) yang dihubungkan dengan residu glukosa anhidrous (Anthony, 1997) dan ia selalunya disusun dalam struktur mikrohablur yang sangat susah untuk dilarutkan dan dihidrolisis dalam keadaan semulajadi (Malherbe & Cloete, 2002). Komposisi utama selulosa terdiri daripada karbon (44.2%), oksigen (49.5%) dan hidrogen (6.3%) dengan formula molekul  $(C_6H_{10}O_5)_n$ . Keefisienan hidrolisis oleh selulosa memerlukan sekurang-kurangnya tiga enzim iaitu: (1) endoglukanase yang berfungsi untuk memecahkan ikatan intermonomer;

**Jadual 2.1: Peratusan komponen lignoselulosa dalam residu agroindustri**  
**(diubahsuai daripada Howard *et al.*, 2003)**

<b>Bahan yang mengandungi lignoselulosa</b>	<b>Selulosa (%)</b>	<b>Hemiselulosa (%)</b>	<b>Lignin (%)</b>
Batang tumbuhan berkayu keras	40-55	24-40	18-25
Batang tumbuhan berkayu lembut	45-50	25-35	25-35
Rumput	25-40	25-50	10-30
Batang padi	32.1	24	18
Batang pokok gandum	30	50	15
Daun	15-20	80-85	0
Kulit kacang	25-30	25-30	30-40
Batang jagung	45	35	15

(2) eksoglukanase bertindak untuk menyingkirkan mono- dan dimer- daripada rantaian akhir glukosa; dan (3)  $\beta$ -glukosidase pula berperanan untuk menghidrolisis dimer glukosa (Malherbe & Cloete, 2002). Hasil akhir penguraian selulosa ialah glukosa, selobiosa, dan oligosakarida yang mempunyai berat molekul yang tinggi.

### **2.1.2 Lignin**

Lignin mewakili antara 26 hingga 29% daripada lignoselulosa dan terikat kuat kepada selulosa dan hemiselulosa. Komposisi utama lignin iaitu karbon 65.5% dan hidrogen 6.1%, walau bagaimanapun ia bergantung kepada jenis kayu. Ia juga bertindak mempertahankan komponen selulosa dan hemiselulosa daripada tindakan hidrolase (Raimbault, 1998). Terdapat dua enzim lignolisis yang memainkan peranan dalam degradasi iaitu fenol oksidase (lakase) dan peroksidase (lignin peroksidase dan mangan peroksidase; Howard *et al.*, 2003). Walau bagaimanapun lignin peroksidase merupakan enzim utama yang terlibat dalam degradasi lignin.

### **2.1.3 Hemiselulosa**

Komponen ini berasosiasi dengan selulosa di dalam dinding sel tumbuhan. Ia terdiri daripada pelbagai himpunan polisakarida yang larut dalam alkali dan ini termasuklah bahan poligalakturonan (bahan pektin),  $\beta$ -D-glukan dan beberapa heteropolisakarida seperti yang terkandung dalam galaktosa, mannos, dan xilosa iaitu arabinogalaktan, galaktoglukomannan dan glukomannan serta arabinoglukoronoxilan dan glukoronoxilan. Walau bagaimanapun, hanya heteropolisakarida yang mempunyai darjah pempolimeran yang rendah (100-200 unit) berbanding selulosa (10000-14000 unit) yang dirujuk sebagai

hemiselulosa. Komponen gula hemiselulosa adalah D-xilosa, D-mannosa, D-glukosa, D-galaktosa, L-arabinosa, asid D-glukoronik, asid 4-O-metil-D-glukoronik, asid D-galaktoronik, L-rhamnosa, L-fukosa dan pelbagai gula O-metil (Howard *et al.*, 2003). Xilan adalah komponen utama hemiselulosa dalam tumbuhan. Tumbuhan berkayu keras mengandungi antara 20-25% xilan manakala kayu lembut pula mengandungi 7-12% (Whistler & Richards, 1970). Jadual 2.2 merumuskan enzim hemiselulase utama dan pengelasannya.

## **2.2 Kelapa sawit sebagai sumber ekonomi Malaysia**

Pokok kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) yang dibawa masuk pertama sekali ke Malaysia dari Afrika sebagai pokok hiasan tetapi kini telah menjadi satu tumbuhan penting dalam pertanian sebagai tanaman komersial (Abdul Rahman, 1996). Pengilangan minyak kelapa sawit adalah industri utama di Malaysia. Pada tahun 2000, kawasan penanaman tumbuhan ini sahaja meliputi 3.375 juta hektar (Chin, 2002). Secara umumnya buah kelapa sawit terdiri daripada serabut buah (perikarp) dan isi (kernel). Serabut buah kelapa sawit terdiri dari tiga lapis iaitu lapisan luar atau kulit buah yang disebut perikarp, lapisan sebelah dalam disebut mesokarp dan lapisan paling dalam disebut endokarp. Isi kelapa sawit terdiri dari lapisan kulit biji (testa), endosperma dan embrio. Gambarfoto 2.1 menunjukkan bahagian luar dan dalam buah kelapa sawit manakala Gambarfoto 2.2 menunjukkan pokok kelapa sawit yang terdapat di Malaysia (Musuem Agropolis, 2007).

**Jadual 2.2: Enzim utama hemiselulase dan pengelasannya (Ubahsuai daripada Howard *et al.*, 2003)**

<b>Enzim</b>	<b>Substrat</b>	<b>Nombor EC</b>
Ekso- $\beta$ -1,4-xilosidase	$\beta$ -1,4-xilooligomer xilobiosa	3.2.1.37
Endo- $\beta$ -1,4-xilanase	$\beta$ -1,4-xilan	3.2.1.8
Ekso- $\beta$ -1,4-mannosidase	$\beta$ -1,4-mannooligomer mannobiosa	3.2.1.25
Endo- $\beta$ -1,4-mannanase	$\beta$ -1,4-mannan	3.2.1.78
Endo- $\alpha$ -1,5-arabinase	$\alpha$ -1,5-arabinan	3.2.1.99
$\alpha$ -L-arabinofuranosidase	$\alpha$ -arabinofuranosil (1 $\rightarrow$ 2) atau (1 $\rightarrow$ 3) xilooligomer $\alpha$ - arabinan	3.2.1.55
$\alpha$ -glukoronidase	4-O-metil- $\alpha$ -asid glukoronik (1 $\rightarrow$ 2) xilooligomer	3.2.1.39
$\alpha$ -galaktosidase	$\alpha$ -galaktopiranososa (1 $\rightarrow$ 6) mannoooligomer	3.2.1.22
Endo-galaktanase	$\beta$ -1,4-galaktan	3.2.1.89
$\beta$ -glukosidase	$\beta$ -glukopiranososa (1 $\rightarrow$ 4) mannopiranososa	3.2.1.21
Asetil xilan esterase	2 atau 3-O-asetil xilan	3.1.1.72
Asetil mannan esterase	2 atau 3-O-asetil mannan	3.1.1.6
Ferulik dan p-asid kumarik esterase	2 atau 3-O-asetil mannan	3.2.1.73



Bahagian serabut

Bahagian isi

**Gambarfoto 2.1: Bahagian luar dan dalaman buah kelapa sawit**



**Gambarfoto 2.2: Pokok kelapa sawit yang tumbuh di Malaysia**

Mesokarp mengandungi kadar minyak rata-rata sebanyak 56%, isi mengandungi minyak sebesar 44%, dan endokarp tidak mengandungi minyak. Minyak kelapa sawit terdiri daripada trigliserida yang merupakan ester dari gliserol dengan tiga molekul asid lemak. Tindakbalas penghasilan trigliserida adalah seperti berikut:



Malaysia, Indonesia dan Nigeria menghasilkan 84% pengeluaran buah kelapa sawit dunia. Buah tersebut mengandungi sekurang-kurangnya 50% minyak dan 70 hingga 80% dibuang melalui pengekstrakan. Hasil pengekstrakan minyak ini dikenali sama ada sebagai isirong kelapa sawit (PKC) atau hampas kelapa sawit (PKM), bergantung kepada cara pemrosesannya. PKC adalah residu isirong daripada proses pengekstrakan mekanikal manakala PKM pula adalah bahan daripada pengekstrakan kimia atau cecair (Jaafar *et al.*, 2004). Kedua-dua produk tersebut juga berbeza dari segi komposisi kimia seperti kalsium, minyak dan fiber (Choct, 2000).

### **2.3 Proses penghasilan minyak dan sisa buangan kelapa sawit**

Pada awalnya, semua kilang di Malaysia menggunakan pengekstrakan mekanikal untuk pemulihan minyak. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penghasilan jumlah buah kelapa sawit semakin meningkat maka pengusaha digesa mencari kaedah alternatif lain iaitu mengekstrak dengan menggunakan cecair. Sekarang, terdapat tiga cara

pengekstrakan yang digunakan iaitu melalui pengekstrakan mekanikal menggunakan penekanan skrew yang bertekanan tinggi, pengekstrakan cecair dan gabungan pengekstrakan mekanikal dan cecair (Tang & Teoh, 1985). Hasil daripada ketiga-tiga proses ini adalah PKC dan PKM yang boleh digunakan di peringkat industri untuk penghasilan produk bernilai tambah.

### **2.3.1 Pengekstrakan mekanikal**

Terdapat tiga langkah utama iaitu rawatan awal buah, penekanan skrew dan penulenan minyak. Proses rawatan awal buah melibatkan pembersihan daripada bendasing yang boleh menyebabkan kerosakan pada skrew penekan yang selanjutnya akan meningkatkan kos penyelenggaraan, melambatkan masa serta mencemarkan produk. Buah sawit tersebut kemudiannya dipecahkan kepada fragmen-fragmen yang kecil dan melalui proses pengewapan. Proses pengewapan bertujuan untuk meningkatkan kandungan kelembapan pada pecahan isi buah kelapa sawit, memecahkan dinding sel, mengurangkan kelikatan minyak dan untuk melikatkan protein dalam hampas yang akan memudahkan pemisahan minyak daripada bahagian protein. Pecahan buah kelapa sawit biasanya dirawat dengan kandungan kelembapan 3% pada suhu 104-110<sup>0</sup>C. Hampas buah tadi seterusnya akan melalui proses penekanan skrew menggunakan skrew penekan. Skrew penekan mengandungi benang heliks (berbentuk seperti cacing) yang berputar bersama dengan barel. Minyak yang terhasil akan dialirkan melalui lubang-lubang yang terdapat dalam barel. Proses seterusnya adalah penulenan minyak. Minyak yang terhasil daripada penekanan skrew biasanya masih mengandungi bendasing yang harus disingkirkan. Jadi, minyak tersebut dialirkan ke tangki simpanan dan seterusnya dipam ke bahagian

penapisan untuk tujuan penyingkiran bendasing. Di sini, isirong kelapa sawit dikeluarkan dari penekan dan disimpan. Pengekstrakan ini lebih sering digunakan kerana ia melibatkan kos yang murah.


### **2.3.2 Pengekstrakan cecair dan kimia**

Proses ini dibahagikan kepada tiga unit operasi iaitu rawatan awal buah, pengekstrakan minyak dan pemulihan cecair daripada minyak dan hampas.

### **2.3.3 Gabungan pengekstrakan mekanikal dan cecair**

Gabungan ini adalah kaedah yang sedang dipraktikkan di Malaysia. Dalam proses ini, buah yang telah diberi rawatan awal akan melalui proses penghancuran dahulu. Buah yang dihancurkan itu mengadungi sekurang-kurangnya 15-20% minyak. Seterusnya, fragmen-fragmen tersebut diekstrak dengan menggunakan cecair untuk menyingkirkan minyak yang masih tertinggal. Rajah 2.1 menunjukkan ringkasan proses penghasilan minyak kelapa sawit yang digunakan di Malaysia.

Melalui proses tersebut terhasillah minyak serta sisa buangan kelapa sawit. Umumnya, minyak kelapa sawit mengandungi zat yang terdiri daripada  $\alpha$ -karotein,  $\beta$ -karotein, xantofil, klorofil dan antosianin. Zat-zat warna tersebut menyebabkan minyak berwarna kuning, kuning kecoklatan, kehijau-hijauan dan kemerahan (Nurhida, 2004). Oleh itu, hal ini sekali gus menyumbangkan zat kepada sisa buangannya walaupun dalam peratusan yang rendah.



**Rajah 2.1: Penghasilan minyak dan sisa buangan kelapa sawit yang digunakan di Malaysia (Malaysia Palm Oil Board, MPOB, 2006)**

## **2.4 Nilai permakanan dalam isirong kelapa sawit (PKC)**

Isirong kelapa sawit (PKC) merupakan hasil residu yang paling berguna berbanding yang lain di Malaysia kerana telah menyumbang dalam pasaran ekonomi negara dan antarabangsa. Pada tahun 2006, Malaysia telah menghasilkan 2.20 juta tan isirong kelapa sawit dan 2.12 juta tan telah dieksport. Ia menjadi pengeksport terbesar dunia (Malaysia Palm Oil Board, MPOB, 2006). Negara-negara Kesatuan Eropah sahaja telah mengimport lebih daripada 85% isirong kelapa sawit Malaysia setahun (Saw *et al.*, 2008).

PKC merupakan sumber protein dan tenaga tetapi sekiranya dikaji dengan lebih mendalam, ia sebenarnya bertindak lebih sebagai sumber protein. Nilai protein PKC adalah lebih tinggi daripada hampas kelapa tetapi lebih rendah berbanding hampas ikan dan hampas kacang tanah. Kandungan minyak dan fiber kasar dalam PKC adalah masing-masing sebanyak 12.3% dan 9.8% (Choct, 2000). Selain itu, ia juga mengandungi polisakarida bukan kanji (NSP) yang tinggi iaitu 74.3%. Komponen NSP dipercayai adalah linear mannan yang tidak larut (78% daripada jumlah NSP) dengan penukaran galaktosa yang rendah. Mannan terbina daripada polimer mannososa. Menurut Jaafar *et al.* (2004), mannososa adalah gula yang dominan di dalam PKC iaitu 75%. Hal ini diikuti oleh selulosa (12%) dan sejumlah kecil 4-O-metilglukoronoxilan (3%) dan arabinoxilan (3%). Jadual 2.3 dan Jadual 2.4 masing-masing menunjukkan kandungan asid amino dan sumber nutrien lainyang terkandung di dalam PKC.

**Jadual 2.3: Komposisi asid amino dalam PKC (Yeong *et al.*, 1983)**

<b>Protein/ Asid amino</b>	<b>Komposisi asid amino dalam PKC (%)</b>
Alanina	0.92
Arginina	2.18
Asid aspartik	1.55
Sisteina	0.20
Asid glutamik	3.15
Glisina	0.82
Histidina	0.29
Isoleusina	0.62
Leusina	1.11
Lisin	0.59
Methionina	0.30
Fenilalanina	0.73
Prolina	0.62
Serina	0.69
Threonina	0.55
Triptofam	0.17
Tirosina	0.38
Valina	0.93

- Jumlah protein dalam PKC ialah 16.06%

**Jadual 2.4: Kandungan pelbagai nutrisi yang terdiri daripada sumber garam mineral serta fiber dalam PKC (Chin, 2002)**

Komponen	Pengekstrakan cecair			Pengekstrakan mekanikal		
	1	2	3	1	2	3
Bahan kering(%)	89	92	91	92.7	93	89.1
Protein kasar(%)	15.3	15.2	15	14.6	14.8	16
Fiber kasar(%)	14.3	16	15.6	12.1	15.7	16.8
Asid fiber detergen(%)	46.1	46	40	41.8	44	39.6
Fiber detergen neutral(%)	66.7	-	-	66.4	-	-
Ekstrak eter(%)	2.9	1.8	0.9	9.1	9.8	10.6
Habuk(%)	4.1	3.8	3.5	4.3	4.2	4.1
Ekstrak bebas nitrogen(%)	63.4	63.2	65	59.9	55.5	52.5
Jumlah nutrien tercerna, TDN(%)	75	70	75	72	67	70
Kalsium(%)	0.2	0.25	-	0.21	0.20	-
Fosforus(%)	0.54	0.52	-	0.52	0.32	-
Magnesium(%)	-	0.16	-	-	-	-
Kuprum(ppm)	34	28.5	-	18	-	-
Ferum(mg/kg)	-	4.05	-	-	-	-
Manganese(mg/kg)	-	22.5	-	-	-	-
Zink(mg/kg)	-	77	-	-	-	-

## **2.5 Takrifan proses pemfermentasian substrat pepejal (SSF)**

SSF ditakrifkan sebagai proses pemfermentasian yang melibatkan bahan pepejal tanpa kehadiran air atau dengan kehadiran air yang rendah. Walau bagaimanapun, substrat yang digunakan mestilah mampu menyumbang kelembapan yang mencukupi untuk sokongan pertumbuhan dan metabolisme mikroorganisma (Pandey, 2003). Umumnya, terdapat dua sistem dalam SSF yang boleh dibezakan melalui fasa substrat semulajadi yang digunakan. Sistem yang biasa digunakan ialah pengkulturan pada sokongan substrat semulajadi (sisa buangan agroindustri) dan satu lagi sistem yang jarang digunakan iaitu pengkulturan pada sokongan yang kaku atau tidak bergerak yang digabungkan dengan medium cecair (Ooijkaas *et al.*, 2000). Objektif utama SSF adalah untuk menjadikan mikroorganisma yang digunakan dapat berhubung terus dengan substrat yang tidak larut dan sekali gus menghasilkan kepekatan substrat yang tinggi dalam proses pemfermentasian.

## **2.6 Aspek umum dalam SSF**

Terdapat beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan sebarang proses biologi dalam SSF. Hal ini termasuklah penyesuaian mikroorganisma dan substrat, pengoptimuman parameter serta pemencilan dan penulenan produk. Namun, teori asasnya adalah berdasarkan kepada aktiviti air kerana hanya kulat, yis serta beberapa jenis bakteria yang sesuai untuk SSF (Pandey, 2003).

### **2.6.1 Penglibatan mikroorganisma dalam SSF**

Kulat peringkat tinggi seperti daripada kelas Ascomycetes dan Basidiomycetes kebiasaannya menjadi pilihan untuk bertumbuh pada substrat pertumbuhan (Holker *et al.*, 2004). Kebolehan mikroorganisma tumbuh pada substrat pepejal bergantung kepada keperluannya terhadap aktiviti air, kapasiti sokongan serta penembusannya ke dalam substrat dan juga kebolehannya untuk menyerap campuran pelbagai polisakarida yang hadir di dalam substrat (Perez-Guerra *et al.*, 2003).

Dalam SSF, kulat dan yis lebih menjadi pilihan utama kerana secara logiknya, medium dalam SSF adalah menyerupai habitat semulajadi mikroorganisma terabit dan sekali gus meningkatkan aktivitinya (Pandey, 2003). Bakteria tidak begitu dipilih dalam sistem SSF kerana kebanyakannya memerlukan aktiviti air yang tinggi. Tetapi, terdapat beberapa jenis bakteria yang mampu hidup di dalam persekitaran SSF.


Kulat berfilamen merupakan mikroorganisma terbaik yang mampu beradaptasi dengan sistem SSF kerana memiliki ciri-ciri fisiologi, enzimologi dan biokimia. Sifat pertumbuhan hifa yang ada pada kulat memberikan kelebihan kepada kulat berfilamen untuk menembusi jauh ke dalam substrat pepejal. Keadaan ini juga menyebabkan kulat berfilamen berkelebihan dalam mengkolonisasi substrat dan mengutilisasikan nutrien yang hadir berbanding mikroorganisma unisel. Tambahan pula, kebolehan kulat berfilamen hidup dalam keadaan aktiviti air yang rendah dan tekanan osmosis atau

kepekatan nutrien yang tinggi menjadikannya lebih efisien dan bersifat kompetitif dengan mikroflora semulajadi dalam proses penukaran biologi substrat pepejal (Raimbault, 1998).

Cara pertumbuhan mikroorganisma adalah melalui antara celah substrat contohnya dalam matriks substrat atau pada permukaan substrat. Biojisim mikrob di dalam matriks substrat dan pada permukaan substrat akan menggunakan substrat tersebut dan merembeskan bahan metabolit dan enzim (Rahardjo *et al.*, 2006). Rajah 2.2 menunjukkan cara pertumbuhan dan penembusan kulat pada substrat. Pemilihan strain yang sesuai untuk tujuan tertentu pula adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan substrat tersebut dan keadaan persekitaran (Pandey *et al.*, 1999). Pengubahsuaian genetik terhadap kulat juga dapat membantu pemilihan strain supaya satu strain yang lebih sesuai dan baik mengikut kepentingan dan keperluan dapat dibentuk dan seterusnya membantu melipat gandakan hasil yang diinginkan.

Sejak tahun 1917 iaitu semasa penghasilan asid sitrik dapat dihasilkan oleh *A. niger* pada permukaan kultur sokongan pepejal, kumpulan kulat ini mula menjadi model dalam teknologi SSF sehingga kini. Pertumbuhan kulat tersebut adalah amat baik dalam sistem SSF dan sekali gus memberikan penghasilan biojisim yang tinggi serta keefisienan biosintesis enzim dalam keadaan tanpa represi katabolik (Holker *et al.*, 2004). Mengikut Parra *et al.* (2004) pula, genus *Aspergillus* mengandungi kebolehan merembes yang

tinggi sehingga membolehkan ia bertindak sebagai perumah dalam penghasilan protein. Jadual 2.5 menunjukkan beberapa jenis mikroorganisma yang mampu beroperasi dalam SSF.



**Rajah 2.2:** Pertumbuhan kulat dan cara penembusan pada substrat (Rahardjo *et al.*, 2006)

**Jadual 2.5: Peranan beberapa mikroorganisma dalam proses SSF (diubahsuai daripada Raimbault, 1998)**

<b>Mikroorganisma</b>	<b>Proses pemfermentasian keadaan pepejal (SSF)</b>
<b>Bakteria:</b>	
<i>Bacillus</i> sp.	Pengkomposan, natto
<i>Pseudomonas</i> sp.	Pengkomposan
<i>Streptococcus</i> sp.	Pengkomposan
<i>Lactobacillus</i> sp.	Makanan
<i>Clostridium</i> sp.	Makanan
<b>Yis:</b>	
<i>Saccharomyces cerevisiae</i>	Makanan, etanol
<i>Schwanniomyces castelli</i>	Etanol
<b>Kulat:</b>	
<i>Alternaria</i> sp.	Pengkomposan
<i>Aspergillus</i> sp.	Pengkomposan, perindustrian, makanan
<i>Fusarium</i> sp.	Pengkomposan, gibberellin
<i>Mucor</i> sp.	Pengkomposan, makanan, enzim
<i>Rhizopus</i> sp.	Pengkomposan, makanan, enzim, asid organik
<i>Trichoderma</i> sp.	Pengkomposan, pengawalan biologi, bioinsektisid
<i>A. oryzae</i>	Koji, makanan, asid sitrik
<i>A. niger</i>	Makanan ternakan, protein, amylase, asid sitrik
<i>Penicillium notatum</i> , <i>P. roquefortii</i>	Penisillin, keju